

PERKASA mahu berhimpun, pohon mengadap Agong
Malaysiakini.com
July 6, 2011

Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (PERKASA) akan meneruskan rancangannya untuk berhimpun pada 9 Julai di satu stadium memandangkan Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH) juga merancang untuk berbuat demikian.

Presidennya Datuk Ibrahim Ali berkata, pertubuhan itu merancang untuk mengadakan perhimpunan berkenaan sama ada di Stadium Merdeka, Stadium Negara atau di Stadium Titiwangsa.

Sebelum itu, PERKASA akan mengadap Yang di-Pertuan Agong bagi mendengar titah dan nasihat Seri Paduka berhubung perhimpunan berkenaan.

"Jangan ambil kira permohonan mereka saja, kita mesti diberi (layanan adil) juga," katanya lagi yang turut berasa terkejut kerana pengerusi BERSIH Datuk Ambiga Sreenevasan diberi peluang untuk mengadap.

Ketika ditanya dalam satu sidang media hari ini, Ibrahim berkata surat bagi memohon perkenan mengadap itu telah diserahkan tengahari ini.

"Kalau Tuanku nasihatkan supaya jangan buat perhimpunan kita akan menjunjung duli.

"Tapi kita akan tengok di sebelah sana buat apa," katanya lagi yang sedikit lega kerana BERSIH memutuskan untuk berhimpun di dalam stadium. Tegasnya, PERKASA hanya akan membatalkan perhimpunan sekiranya BERSIH turut berbuat demikian.

Tambahnya, PERKASA juga akan memohon permit bagi perhimpunan berkenaan, seperti juga perhimpunan yang dianjurkan sebelumnya.

Beliau juga yakin PERKASA akan diberikan permit tetapi tidak bagi BERSIH yang masih diharamkan kerajaan.

Jelasnya, Seksyen 27 Akta Polis menetapkan bahawa permit berkenaan hanya boleh dipohon oleh pertubuhan berdaftar dan juga oleh tiga individu.

Mesti profesional

"Kalau individu mohon untuk organisasi haram, polis tak boleh beri kebenaran." Polis mesti profesional... BERSIH haram, jadi kalau polis beri permit, polis juga langgar undang-undang," tegasnya yang juga ingin bertemu dengan perdana menteri berhubung isu sama.

Perhimpunan anjuran PERKASA perlu diadakan bagi mengimbangi gambaran yang bakal ditimbulkan bahawa "orang telah tolak kepemimpinan (Perdana Menteri Datuk Seri) Najib" melalui kejayaan perhimpunan BERSIH, kata Ibrahim.

Ibrahim juga berkata, beliau akan menjelaskan mengenai tuntutan BERSIH dalam dalam perhimpunan anjurannya.

Mengulas mengenai pelawaan Ambiga supaya PERKASA menyertai perhimpunan BERSIH, Ibrahim berkata beliau hanya akan ikut serta sekiranya turut menerima tuntutan berkenaan.

"Tapi kenapa sekarang baru jemput?" katanya sambil menambah, PERKASA setakat ini telah mendaftarkan lebih 11,500 orang bagi perhimpunan berkenaan.

<http://www.malaysiakini.com/news/169142>